

# UMNO KUALA PILAH CALON DATUK HUSSEIN, DR. MAHATHIR

**KUALA PILAH, Ahad** — Datuk Hussein Onn dicalon oleh UMNO Bahagian Kuala Pilah sebagai Presiden UMNO dan Datu Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai timbalannya dalam mesyuarat perwakilan yang ke-27 di Dewan Bandaran di sini malam tadi.

Tiga orang naib presiden yang dicalonkan ialah Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Mansor Othman dan Encik Abdul Ghafar Baba, sementara Datuk Musa Hitam, Datuk Hamzah

Abu Samah, Tan Sri Ghazali Shafie, Encik Mokhtar Hashim, Encik Rais Yatim, Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin dicalonkan sebagai ahli Majlis Kerja Tertinggi.

Perwakilan itu juga meluluskan tiga usul yang dibahaskan, antaranya, menggesa kerajaan bertindak tegas terhadap pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

Antara 30 usul yang diterima tanpa bahas ialah mendesak Majlis Tertinggi UMNO mengisi kerusi-kerusi yang dikosongkan oleh PAS semasa dalam Barisan Nasional di peringkat-peringkat Parlimen dan Negeri dengan calon-calon UMNO. — Bernama.